




ANTOINE
BAKHACHE



RED CARPET GLAMOR

UMA
THURMAN

AMY ADAMS

GODAAN BERLIAN

Satu minggu seluruh Kuala Lumpur bercerita mengenai Mouawad yang menerbangkan sebutir berlian yang dikatakan antara yang terbesar di dunia. Acara istimewa ini bersempena dengan pembukaan semula butik Mouawad di Starhill Gallery. Butik barang kemas berkenaan tampil berwajah baru dengan menyediakan bilik khas buat klien yang mahukan suasana lebih privasi. Selera mewah masih menjadi pegangan buat Mouawad apabila dekorasi seperti

lampu *candelier* tergantung indah menyambut kedatangan pelanggan mereka. “Kami mahu buat setiap klien menikmati rasa eksklusif dan kemewahan yang Mouawad dapat berikan. Maka butik yang berwajah baru ini adalah salah satu medium penting dalam menyalurkan legasi kemewahan Mouawad,” ujar Antoine Bakhache, Pengarah Urusan Bakhache Luxuries Sdn Bhd yakni syarikat yang bertanggung jawab menguruskan jenama Mouawad di Malaysia.



ZHANG ZIYI

SEJENAK BERSAMA

Fred & Pascal Mouawad Kisah di sebalik rantai termewah di dunia ini? Sebelum ini, berlian yang punya 407.48 karat ini dijumpai di Republik Congo dan selepas itu ia dipamerkan di Smithsonian Institute di Washington, Amerika Syarikat. Tahun lalu, kami mengambil inisiatif untuk menjadikan berlian mewah ini seutas rantai. Lantas para artisan di Mouawad mencipta satu rantai yang berinspirasi sebuah pokok yang diserikan dengan ranting serta dedaun indah. Ia tidaklah mengambil masa yang lama untuk menyiapkannya. Namun,

kami lebih fokus pada rekaan yang sesuai untuk merai sebutir berlian yang dijadikan perhiasan utama. **Kongsi tugas utama Co-Guardian buat Mouawad?** Kami tidak mahu jawatan yang korporat, lantas dengan gelaran penjaga rasmi buat Mouawad, ia membuatkan kami lebih dekat dengan nama jenama serta para pelanggan kami. Ada tiga penjaga rasmi Mouawad. Pascal Mouawad menjaga tentang retail dan pasaran. Alain Mouawad pula memberi fokus pada koleksi jam tangan Mouawad. Saya pula dalam dunia berlian buat jenama ini. Kami bertiga adalah orang

yang bertanggungjawab dalam meneruskan nama Mouawad ke persada dunia. **Nasihat terbaik buat wanita muda yang mahu membeli barang kemas pertama mereka?**

Sejujurnya, mereka perlu tahu barang kemas dari jenama mana yang hendak dibeli. Jenama itu perlulah punya reputasi yang cukup bagus dan disegani kerana mengeluarkan barang kemas yang bermutu tinggi. Selepas itu, tiada lagi peratusan yang perlu diikuti. Kerana kami percaya setiap barang kemas itu punya magis yang tersendiri. Ia bagaikan boleh berkata-kata dengan anda. Maka, buka hati



dan mata dalam memilih barang kemas. **Koleksi kegemaran anda berdua?** Baru-baru ini kami melancarkan koleksi Flowers of Eternity. Ia adalah salah satu koleksi terbaik kami dan mendapat sambutan yang cukup positif. Malah, koleksi Flowers of Eternity ini menjadi koleksi yang paling disukai dan paling banyak dibeli di setiap butik Mouawad.